

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

**TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

- a) Laporan Kajian Impak Alam Sekitar yang dilakukan untuk stesen janakuasa solar 50MW yang akan dibina oleh 1MDB di Kedah; dan
- b) Adakah Perjanjian Pembelian Tenaga Solar antara TNB dan 1MDB akan dibentangkan dalam Parlimen untuk dinilai oleh Ahli Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Berhubung kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi Projek Janakuasa Solar oleh 1MDB, saya ingin menjelaskan bahawa ianya merupakan salah satu dari prasyarat yang perlu dipenuhi dalam *Power Purchase Agreement* (PPA). Buat masa ini, EIA masih belum dimuktamadkan lagi.

- (b) Perjanjian pembelian tenaga solar diantara TNB dan 1MDB merupakan satu perjanjian komersial diantara kedua – dua pihak tersebut yang perlu dihormati oleh semua pihak. Perjanjian ini tidak akan dibentangkan dalam Parlimen untuk dinilai oleh Ahli Parlimen atas dasar priviti kontrak dan kerahsiaan antara kedua-dua pihak yang berkontrak.

NO. SOALAN: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6991

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap ISMA kerana membuat kenyataan-kenyataan berbau perkauman pada 9 Mei 2014 dan apakah pendirian Kerajaan berkenaan kenyataan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua

Sehingga 29 Mei 2014, pihak polis telah menerima sebanyak 42 laporan polis yang telah dibuat terhadap Presiden Ikatan Muslim Malaysia (ISMA). Lanjutan daripada laporan polis yang diterima, kertas siasatan telah dibuka untuk siasatan lanjut di bawah Akta Hasutan 1948. Walaubagaimanapun, buat masa ini saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci status penyiasatan dan tindakan yang telah diambil memandangkan perkara ini masih di dalam siasatan pihak PDRM dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Rentetan daripada tindakan pihak polis itu, adalah jelas bahawa tindakan Presiden ISMA mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman tersebut tidak terkecuali daripada tindakan undang-undang di negara ini. Kerajaan memandang serius sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana individu, kumpulan atau pertubuhan yang mengeluarkan kenyataan melampau bertujuan mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini.

Undang-undang sedia ada sudah mencukupi dalam menangani apa jua isu yang dibangkitkan yang cuba mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman awam. Pendirian Kerajaan adalah jelas di mana tindakan tegas akan diambil di bawah undang-undang sedia ada termasuk Akta Hasutan 1948 terhadap mereka yang terlibat sekiranya terbukti bersalah.

Di sini saya ingin menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan dan memelihara keharmonian yang dinikmati selama ini.